

01 JUL 1996
Yong-Mahathir
MASALAH KESELAMATAN DI SABAH AKAN DIATASI

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Kerajaan pusat memberi jaminan akan membantu kerajaan Sabah mengatasi masalah keselamatan yang dihadapi oleh negeri itu sejak 20 tahun lepas.

Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee berkata jaminan itu diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan satu jam dengan anggota Kabinet Sabah dan juga Menteri Persekutuan dari negeri itu yang di Jabatan Perdana Menteri petang ini.

Ketika bercakap kepada selepas perjumpaan itu, Yong berkata beliau gembira dengan jaminan yang diberikan oleh Dr Mahathir dan berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan persekutuan bagi menambah anggota keselamatan terutama di bahagian pantai timur Sabah bagi membanteras kegiatan lanun.

Kerajaan negeri pula akan menggubal dasar dan merumus mekanisme pelaksanaan dalam usaha menangani masalah pendatang tanpa izin dan pekerja asing di negeri itu.

"Ini termasuk mengawal kemasukan mereka dan mengurus kegiatan pekerja asing," katanya.

Yong berkata perbincangan telah diadakan dengan Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Negeri untuk mempertingkatkan lagi peranan Pasukan Petugas dalam menangani masalah pendatang tanpa izin dan pekerja asing.

Kerajaan negeri meminta kerajaan pusat supaya mengadakan perbincangan dengan Indonesia dan Filipina dalam mengawasi kemasukan rakyat mereka ke Sabah secara haram.

Buat masa ini hanya Indonesia mempunyai Konsulatnya di Sabah untuk menguruskan pekerja asing dari negara dan beliau berharap Filipina juga dapat berbuat demikian.

Walaupun masalah pendatang tanpa izin dan pekerja asing menjadi masalah utama dalam bidang ekonomi dan sosial, ia perlu segera diatasi supaya tidak menggugat keselamatan Sabah, katanya.

"Kita perlu ramai pekerja sekarang untuk membangunkan Sabah tetapi kemasukan rakyat asing perlulah melalui cara teratur dan sah," kata Yong.

Yong berkata pada perjumpaan itu Dr Mahathir telah diberitahu mengenai hasrat negeri untuk mempertingkatkan rangkaian Jalan Raya Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) dan ini memerlukan peruntukan yang banyak.

Katanya Perdana Menteri memberi jaminan bahawa permohonan Sabah akan dipertimbangkan pada kajian separuh penggal RMK7 jika kerajaan negeri itu menunjukkan prestasi pentadbiran yang baik dalam tempoh dua tahun ini.

"Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Sabah mendapat peruntukan sebanyak 70 peratus lebih daripada rancangan pembangunan sebelumnya," katanya.

Samasa ditanya sama ada perjumpaan itu membincangkan isu-isu politik Sabah, Yong berkata: "Ada tetapi ia hanya secara tidak khusus."

Katanya Dr Mahathir berkata sudah ada tanda-tanda bahawa politik di Sabah kini "semakin matang" dan beliau yakin apa jua masalah politik di negeri itu dapat diatasi hasil sokongan yang kuat kepada Barisan Nasional.

-- BERNAMA
SJA MAI